


Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran

Rekabentuk Kearah Inovasi

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris*

Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)
& Azahar Harun (PhD)*

Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'

Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi

Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"

Rosli Zakaria (PhD)

Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

Azahari Haji Khalip

Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

Zunar dan Kartun

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

Modul Asas Pembuatan Sandal

Ibrahim Othman



Foto oleh:
Wan Nur Khalisah Shamsudin

Jurnal
Inspirasi Seni Intelektual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka
Julai 2019
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
(FSSR),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel : +606 558 2000.

Atur Huruf oleh / Typeset by
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Nurkhazilah Idris

Reka bentuk kulit dan buku oleh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

Ahli Jawatankuasa Jurnal
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain
Shafirah Shaari
Nurkhazilah Idris

Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Penaung

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

Penasihat

Prof Madya Dr Azahar Harun

Ketua Editor

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

Editor

Wan Nur Khalisah Shamsudin
Nurkhazilah Idris

Pereka Grafik

Wan Nur Khalisah Shamsudin

Reviewer

Prof Madya Dr Azahar Harun
Dr Rosli zakaria
Dr Nadzri Mohd Sharif
Dr Haslinda Abd Razak
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Dr Sharmiza Abu Hassan

Prakata

Bismillahirraahmaniraahim.
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

Dr. Liza Marziana Mohammad Noh

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

Isi Kandungan

i Prakata

ii Isi Kandungan

1 **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran
Rekabentuk Kearah Inovasi**
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris

11 **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**
Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)

16 **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk
Masjid Tengker Melaka**
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

26 **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru
dalam Fotografi**
Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

34 **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

44 **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan
Hang Tuah dan Cin Cu’**
Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi

53 **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**
Rosli Zakaria (PhD)

64 **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

71 **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**
Azahari Khalip

81 **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

96 **Zunar dan Kartun**
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

105 **Modul Asas Pembuatan Sandal**
Ibrahim Othman



Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka

Musaddiq Mohamad Khalil
Amer Shakir Zainol(PhD)
Azahar Harun(PhD)

Abstrak

UNESCO terus melebarkan jalinan bersama beberapa institusi utama dunia, menerusi kerjasama bersama Bank Dunia (*World Bank*) untuk membangunkan serta mengekalkan aspek budaya serta tapak warisan sejarah dunia melalui "*Sustainable Tourism*", yang boleh ditafsirkan sebagai peningkatan kesedaran nilai aspek sosio-budaya bermula dari komuniti masyarakat setempat di dalam memampankan tapak warisan sejarah dunia secara bersama. Oleh yang demikian, sebuah kajian kuantitatif dengan berobjektifkan korelasi telah dilaksanakan, hipotesis kajian hubungan lokasi perlancongan (*Place*) dan tapak warisan sejarah dunia UNESCO penting terhadap kemampunan sesuatu lokasi perlancongan (*Sustainable Tourism*) sosio-budaya setempat. A' Famosa, Melaka telah di isytihar oleh UNESCO pada 7 Julai 2008 sebagai sebuah tapak warisan sejarah dunia (*World Heritage Site*). Menggunakan kaedah *Convenience Sampling* serta *Non-Probability Sampling* ke atas sampel masyarakat setempat sebanyak ($n=100$), dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi yang positif serta menyokong hipotesis kajian bahawa wujudnya kesan hubungan di antara lokasi perlancongan (*Place*) dan tapak warisan sejarah dunia UNESCO, secara spesifiknya di A'Famosa, Melaka. Kajian ini menunjukkan perhubungan korelasi yang *significant* antara pembolehubah yang menyumbang terhadap nilai socio-budaya dan kemampunan lokasi perlancongan setempat.

Kata kunci: Tapak warisan dunia, UNESCO, sosio-budaya, A'Famosa Melaka, lokasi perlancongan.

Pengenalan

Semenjak tahun 1972, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah berjaya memeterai sebuah perjanjian antarabangsa bagi membolehkan organisasi ini bertindak sebagai penggerak secara global dalam melindungi tapak warisan sejarah dunia serta tinggalan alam semulajadi (UNESCO, 2017). Kesan ini membolehkan UNESCO bergerak sebagai sebuah organisasi besar dunia di dalam mengenal pasti, melindungi, serta memulihkan tapak semula jadi dan warisan budaya dunia yang di kenal pasti. Atas dasar kemanusiaan ini, UNESCO telah menjadi sinonim dengan keamanan serta kemanusiaan sejagat termasuk di Malaysia.

Pada 7 Julai 2008, Melaka dan George Town telah di beri pengistiharan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai sebuah tapak sejarah dunia (*World Heritage Site*) selepas empat tahun menunggu semenjak 2004 dalam melengkapkan petisyen yang telah ditetapkan (Chua, 2004).

Penganugerahan ini bukan merupakan sesuatu yang baharu bagi masyarakat setempat negeri Melaka. Oleh kerana dilihat sejak pada 14 April 1989, Negeri Melaka telah diberi gelaran 'Bandar Bersejarah' oleh kerajaan Malaysia (MelakaCOM, 2008). Sebuah artikel dari Star Online memetik perkara ini;

"..In Malacca, the historical sites near the St Paul's Hill, the 17 th century Dutch Stadhuys buildings, Jonker Street with its Dutch-era buildings, Jalan Tukang Besi, Kampung Morten and Malacca River have been recognized as part of the world heritage sites" (Chua, 2008).

Artikel ini boleh ditafsirkan sebagai memetik dengan jelas beberapa kawasan di negeri Melaka yang terpilih sebagai lokasi tapak sejarah dunia (*World Historic Site*) yang terdiri daripada kawasan sekitar *St Paul's Hill* iaitu di sekitar A'Famosa, beberapa bangunan sekitar yang masih jelas pembuatannya dari kurun ke-17 tinggalan penjajahan orang belanda, Jonker Street, Jalan Tukang Besi, Kampung Mortem dan Sungai Melaka. Melaka telah menyaksikan akulturasi dan asimilasi antara masyarakat setempat bersama kuasa dan kedatangan masyarakat luar dari Portugis, Belanda, China, India, serta Inggeris. Variasi budaya ini dapat dilihat pada tinggalan objek bahan budaya kegunaan harian, aspek pemakanan juadah, keunikan pakaian tradisi, serta tinggalan bangunan yang bergitu rapat dengan seni bina luar dan dalam negara.

Objektif Kajian

O1: Memastikan terdapat hubungan korelasi antara lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka).

O2: Menganalisis jenis hubungan korelasi yang terlibat antara lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka) terhadap sosio-budaya masyarakat setempat.

Hipotesis Kajian

H1: Wujudnya hubungan korelasi antara lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka).

H2: Wujudnya hubungan korelasi yang positif antara lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka) terhadap sosio-budaya masyarakat setempat.


Kajian Literasi

Lokasi (*Place*) telah menjadi suatu dimensi penting dalam menentukan sosio-budaya masyarakat setempat, terutama lokasi tapak warisan dunia (*World Heritage Site*). Ini dapat dibuktikan melalui penulisan serta hasil kajian tentang ruang (*Space*) dan tempat/lokasi (*Place*) (Tuan, 1977, Soja, 1989, Harrison & Dourish, 1996, Paay & Kjeldskov, 2007, Harrison & Tatar, 2008, Mohamad, 2015).

Secara dasarnya, majoriti para-pengkaji mengklasifikasikan bahawa ruang (*Space*) mampu bertukar menjadi tempat/lokasi (*Place*) melalui beberapa definisi serta kaedah yang berbeza. Harrison dan Tatar memperkenalkan suatu model yang dipanggil *Semantic-Tangle* yang mengembangkan tempat/lokasi (*Place*) kepada beberapa pecahan dimensi (*Sub-domains*) seperti *Loc* yang dikenali sebagai ruang (*Space*), *People* yang mewakili interaksi sosial manusia, dan *Event* sebagai pengalaman setiap orang yang terlibat. Kajian lanjutan telah dilaksanakan menggunakan kaedah model *Semantic-Tangle* ini di dalam mengenal pasti hubungan antara tempat/lokasi (*Place*) dan acara (*Event*) terhadap konteks sosio-budaya masyarakat setempat (Mohamad, 2015). Hasil dapatan kajian menunjukkan wujudnya korelasi yang bersifat positif antara kedua pembolehubah.

Kefahaman dalam mentaksirkan dan mengembangkan tempat/lokasi (*Place*) merupakan sesuatu perkara yang kompleks daripada definisi serta dimensi bidang ilmu yang berbeza, namun, itu tidak menjadi penghalang kerana kajian ini menumpukan kesan tapak warisan sejarah UNESCO terhadap sosio-budaya masyarakat setempat terutamanya di A'Famosa, Melaka.

Kaedah Kajian



Rajah 1 : Rangka Kerja Metodologi Kajian

Metod kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui objektif korelasi untuk menentukan kewujudan serta jenis hubungan antara pembolehubah. Rajah 1 menunjukkan rangka kerja oleh (Mohamad, 2015) yang telah di kembangkan hasil kajian oleh rangka kerja (Harrison & Tatar, 2008) di dalam menerangkan konsep lokasi/tempat (*Place*) and sosio-budaya setempat menggunakan instrumen Mohamad (2015) dengan *Cronbach Alpha* kebolehpercayaan (*Reliability*) lebih dari 0.06 di mana dianggap sah (*Valid*) untuk instrument kajian sains sosial (Sidek, 2006)

Sampel kaji selidik adalah dari sampel sebanyak (n=100) yang dijustifikasi oleh *Cohen Table* (1992) untuk ($p < 0.05$). Metod sampel adalah *Non-Probability of Convenience Sampling* yang akan diedarkan kepada pelawat, pelancong, serta masyarakat setempat di A' Famosa, Melaka. Dapatan data kemudian akan di kod ke IBM SPSS untuk di analisa menggunakan *Inferential Parametric Data*, iaitu takat ukur skala *Pearson Correlational* daripada *Instrument Rating Scale* untuk mencari hubungan serta jenis korelasi yang wujud.

Data Analisa

Rangka kerja yang terdapat pada Rajah 1 merupakan kaedah yang digunakan didalam mengklasifikasikan pembolehubah untuk memastikan dan menganalisis korelasi daripada hipotesis H1 dan H2 kajian, seperti berikut:


H1: Wujudnya hubungan korelasi antara lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka).

		place_mean	cultural_impact_mean
place_mean	Pearson Correlation	1	.949
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	100	100
cultural_impact_mean	Pearson Correlation	.949	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	100	100

Rajah 2 : Korelasi antara Place dan Cultural Impact

Rajah 2 menunjukkan ($r = .949$, $p < 0.05$) dimana ini dapat membuktikan bahawa wujudnya korelasi antara pembolehubah lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka). Korelasi ini penting dalam menjawab hipotesis H1 di dalam kajian serta objektif kajian. Masyarakat setempat dilihat memberi respons terhadap kepentingan lokasi sesebuah tapak sejarah dunia UNESCO seperti A'Famosa kepada sosio-budaya setempat. Dapatan ini menunjukkan melalui pengekalan warisan tapak sejarah dunia ini oleh UNESCO dan masyarakat setempat akan penting bagi mengekalkan kepelbagaian budaya di Negara Malaysia. Kesan korelasi ini bukan sahaja mampu menjadikan masyarakat setempat sejajar dengan perkembangan Transformasi Nasional (TN50) Negara, malah membuktikan bahawa kesan sosio- budaya juga dapat diwujudkan di dalam pelbagai lokasi tapak sejarah warisan dunia, terutama di Negara Malaysia, seperti di A'Famosa Melaka.

H2: Wujudnya hubungan korelasi yang positif antara lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka) terhadap sosio-budaya masyarakat setempat.



Rajah 3 : Plot Korelasi and Place dan Cultural Impact

Rajah 3 menunjukkan ($r = .901$, $p < 0.05$) dimana ini dapat membuktikan bahawa wujudnya korelasi antara pembolehubah lokasi (*Loci, People, Event*) dan tapak sejarah dunia UNESCO (A'Famosa, Melaka). Korelasi yang wujud dilihat merupakan plot hubungan yang positif antara kedua pembolehubah, ini jelas kelihatan pada garisan menegak hasil plot di antara pembolehubah 'Place' dan 'Cultural' Impact. Korelasi positif ini berada pada .901 yang menunjukkan suatu nilai yang sangat baik, hasil korelasi ini dapat membuktikan dengan jelas bahawa nilai sosio-budaya di sebuah tapak sejarah dunia UNESCO mampu memberi kesan terhadap masyarakat setempat supaya dapat menjamin kemampuhan sejarah dan budaya Negara.

Dapatan Kajian & Perbincangan

Kesan tapak warisan sejarah dunia UNESCO sebagai lokasi perlancongan terhadap sosio-budaya masyarakat setempat merupakan suatu perspektif kajian yang luas di dalam bidang ilmu yang berbeza. Oleh kerana demikian, pembolehubah yang dipilih untuk kajian ini mewakili aspek sosio-budaya tapak warisan dunia, spesifikasinya A'Famosa, Melaka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat setempat, pelancong, serta

pelawat menjadi pemangkin kemampunan nilai budaya warisan sesebuah tapak sejarah dunia UNESCO. Menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat tidak mengira kelas untuk menjaga anugerah berharga negara ini. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat setempat juga sedar akan kepentingan sosio-budaya di dalam menghadapi perkembangan alam moden revolusi perindustrian (iR 4.0).

“Sustainable Tourism” merupakan sebuah langkah bijak oleh UNESCO dalam mengekalkan kemampunan industri perlancongan dunia disamping menjaga kesejahteraan tapak warisan sejarah dan alam semula jadi.

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian menggunakan objektif korelasi terhadap salah satu tapak warisan dunia UNESCO di Malaysia, serta ada kemungkinan akan berlaku perbezaan terhadap lokasi yang berlainan. Oleh itu, adalah diharapkan para penyelidik di masa akan datang dapat memenuhi lopong (*Gap*) kekosongan pada bidang ilmu ini melalui lebih banyak objektif kajian seperti *Descriptive, Explanatory, dan Exploratory Research*.

Bibliografi

Cohen, J. (1992). *A power primer. Psychological Bulletin*, 112, 155-159

Harrison, Tatar. (2008). *Places: People, Events, loci- the Relation*. Virginia: Springer.

Chua, E. (2008, July 8). *Unesco accepts George Town and Malacca as World Heritage Sites*. Retrieved 2017, from *The Star Online*:
<http://www.thestar.com.my/news/nation/2008/07/08/unesco-accepts-george-town-and-malacca-as-world-heritage-sites/>

MelakaCOM. (2008). *Melaka The Historical City*. Retrieved July 17, 2017, from MelakaCOM.Net:<http://www.melakacom.net/malacca/main.htm>

Mohamad, M. (2015). *The Relationship between Place and Hallmark Event in a Socio-Cultural Context (Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi MARA)*.

Paay, K. (2007). *Understanding Situated Social Interactions: A Case Study of Public Places in the City*. Denmark: Springer.

Soja, E. (1989). *Postmodern Geographies: The Reassertion of Space in Critical Theory*. Verso.

Tuan, Y-F. (1977). *Space and Place: The Perspective of Experience*. Minneapolis: University of Minneapolis.

UNESCO. (2008). *Melaka and George Town, Historic Cities of the Straits of Malacca*. Retrieved July 17, 2017, from UNESCO:<http://whc.unesco.org/en/list/1223/>

UNESCO. (2015, December 2). *Striving toward Sustainable Tourism at the World Heritage sites in Southeast Asia*. Retrieved July 17, 2017, from UNESCO:
<http://whc.unesco.org/en/news/1394/>

UNESCO. (2017, July 13). *UNESCO and World Bank collaborate on Culture, Urban Development, and Resilience*. Retrieved July 17, 2017, from UNESCO:
<http://en.unesco.org/news/unesco-and-world-bank-collaborate-culture-urban-development-and-resilience>

UNESCO. (n.d.). *World Heritage*. Retrieved July 2017, 17, from UNESCO World Heritage Centre 1992-2017:
<http://whc.unesco.org/en/about/>




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001